

بَابُ عِظَةِ الْإِمَامِ النَّاسِ فِي إِتْمَامِ الصَّلَاةِ وَذِكْرِ الْقِبْلَةِ

13- Bab Nasihat Imam Kepada Orang Ramai Supaya Menyempurnakan Sembahyang Dan (Bab) Keterangan Tentang Qiblat.⁵⁵³

٤٠١ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ هَلْ تَرَوْنَ قِبْلَتِي هَا هُنَا فَوَاللَّهِ مَا يَخْفَى عَلَيَّ خُشُوعُكُمْ وَلَا رُكُوعُكُمْ إِنِّي لَأُرَاكُمْ مِنْ وَرَاءِ ظَهْرِي

401- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abu az-Zinad daripada al-A`raj daripada Abi Hurairah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Adakah kamu nampak qiblatku? Nah, di sinilah.⁵⁵⁴ (Tetapi) Demi Allah, tidaklah

⁵⁵³ Bab ini dapat dibahagikan kepada dua juzu' (bahagian). **Pertama:** Bab Nasihat Imam Kepada Orang Ramai Supaya Menyempurnakan Sembahyang. **Kedua:** Dan (Bab) Keterangan Tentang Qiblat. Bahagian pertama tidak begitu ketara perkaitannya dengan bab-bab sebelum ini dan bab-bab berikutnya yang membincangkan tentang masjid. Kerana itulah Bukhari mengiringkannya dengan bahagian kedua yang menerangkan tentang qiblat. Sebut saja qiblat, terus akan terlintas di hati kita masjid yang memang berkait rapat dengannya. Itulah inti pati komen Hafiz Ibnu Hajar tentang tajuk bab ini. Hafiz Al-'Aini berpendapat, kesinambungan bab ini dengan bab-bab sebelumnya terletak pada anjuran, larangan dan ancaman Rasulullah s.a.w. yang terdapat di dalam hadits-hadits bab-bab yang lalu. Semua itu merupakan bahan atau ramuan nasihat. Maka wajar sekali kalau selepas bab-bab itu dikemukakan pula bab yang menyentuh secara khusus tentang `izhah atau nasihat. Menurut Syaikh Zakariya maksud asal Bukhari hanya berkait dengan bahagian pertama sahaja. Bahagian kedua disebut beliau sebagai istithrad (peralihan topik untuk sementara waktu) dan untuk menarik perhatian pembaca semata-mata, memandangkan ada tersebut di dalam hadits, nasihat Nabi s.a.w. kepada seseorang yang tidak mengerjakan sembahyangnya dengan betul di dalam masjid. Bukankah nasihat itu diberikan oleh Rasulullah s.a.w. ketika Baginda sedang berada di dalam masjid? Bagi penulis mungkin juga tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan orang yang paling bertanggungjawab dan paling berwibawa memberi nasihat kepada orang ramai ialah imam (pemimpin) dan tempat yang paling sesuai dan paling berkesan untuk menyampaikan nasihat pula ialah masjid. Nasihat adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada imam seperti mana masjid tidak dapat dipisahkan daripada qiblat.

⁵⁵⁴ Pertanyaan Nabi s.a.w. ini boleh dipakai dalam dua pengertian. **Pertama:** Berdasarkan terjemahan yang telah diberikan di atas bahawa walaupun ketika bersembahyang Beliau s.a.w. menghadap qiblat dan membelakangi para ma'mumnya, namun beliau tetap nampak segala gerak-geri para ma'mum di belakangnya. Ini bererti istifham (pertanyaan) yang diguna pakai di dalam hadits di atas ialah استفهام لإنكار ما يلزم منه (pertanyaan untuk menafikan sesuatu yang lazim (mesti diterima) akibat daripada (menerima) sesuatu yang lain). Istifham ini tidak diajukan untuk mendapat ma'lumat daripada orang yang ditanya. Ia juga tidak menuntut jawapan. Pertanyaan Rasulullah s.a.w. itu bererti menafikan apa yang lazim (mesti diterima) daripada menerima Beliau s.a.w. menghadap ke arah qiblat ketika bersembahyang. Yang lazim (mesti diterima) ialah beliau tidak akan nampak apa-apa yang berada dan yang berlaku di belakangnya. Ini kerana salah satu syarat untuk seseorang nampak sesuatu menurut hukum `adat dan kebiasaan ialah sesuatu itu berada di hadapannya (المواجهة). **Kedua:** Jika istifham (pertanyaan) di sini dipakai sebagai istifham taqriri (استفهام تقريري), maka seharusnya ia diterjemahkan begini: “Adakah kamu nampak (dinding yang menghadap ke arah) qiblatku di sini? Mafhumnya ialah tentu sekali kamu nampak, sebab kamu bukan buta. Tetapi adakah kamu nampak padanya seperti yang aku nampak? Tentu sekali tidak, kerana aku nampak segala gerak-gerimu di belakangku di dinding qiblat ini!

tersembunyi kepadaku khusyu` kamu, tidak juga (tersembunyi kepadaku) ruku` kamu.⁵⁵⁵
Sesungguhnya aku benar-benar nampak kamu di belakangku.”⁵⁵⁶

⁵⁵⁵ Perkataan khusyu` di sini dipakai oleh sesetengah `ulama` dengan ma`na sujud kerana tiga perkara berikut ini: (1) Ia digandingkan dengan ruku`. (2) Kemuncak pernyataan khusyu` ialah sujud. (3) Tersebut di dalam Sahih Muslim, juga melalui riwayat Malik daripada Abi az-Zinaad daripada al-A`raj daripada Abi Hurairah perkataan ولا سجودكم . Tetapi yang lebih tepat ولا خشوعكم . Tetapi yang lebih tepat ولا خشوعكم itu dipakai dengan ma`na umumnya. Pemakaian perkataan khusyu` dengan ma`na sujud akan membataskan kemampuan melihat Rasulullah s.a.w. dari belakang ketika bersembahyang dengan dua keadaan ruku` dan sujud sahaja. Ia secara tidak langsung menafikan kemampuan itu pada keadaan-keadaan yang lain. Ini tentu sekali jauh daripada maksud Rasulullah s.a.w. Justeru maksud hadits di atas ialah Rasulullah s.a.w. nampak segala gerak-geri orang-orang yang bersembahyang di belakang beliau sama ada pada ketika ruku`, sujud atau pada ketika-ketika yang lain.

⁵⁵⁶ Apakah maksud sabda Nabi s.a.w: “Sesungguhnya aku benar-benar nampak kamu di belakangku”? Berikut ialah beberapa pandangan `ulama` tentangnya: (1) Kata-kata ini merupakan kiasan kepada pengetahuan Rasulullah s.a.w. yang berpunca daripada wahyu. Keadaannya begitu terang seolah-olahnya Baginda melihat dengan mata kepala sendiri. Jadi maksud benar-benar nampak kamu ialah benar-benar mengetahui keadaan kamu di belakangku. (2) Seperti yang pertama juga ia merupakan kiasan kepada pengetahuan Rasulullah s.a.w. Cuma puncaknya bukan wahyu tetapi ilham. Kedua-dua pendapat ini tidak kuat, kerana kalau memang perkataan nampak di dalam hadits di atas bermaksud mengetahui, maka apa tujuan Nabi s.a.w. mengqaidkannya (mengaitkannya) dengan “di belakangku”? Pengetahuan tidak terbatas hanya setakat di belakang atau di hadapan sahaja. (3) Maksud di belakang di sini bukan betul-betul di belakang tetapi di sebelah kiri kanan Nabi s.a.w. apabila Baginda s.a.w. sekali-sekala berpaling ke kiri atau ke kanan ketika sedang bersembahyang. Pendapat ini terlalu teruk dan lemah kerana melencong dari ma`na asalnya, selain menunjukkan ketiadaan khusyu` Nabi s.a.w. ketika bersembahyang. (4) Allah menguatkan daya penglihatan Rasulullah s.a.w. pada ketika bersembahyang sehingga Baginda dapat melihat ke bahagian belakang tanpa berpaling seperti ke bahagian hadapan. (5) Selain di muka, Nabi s.a.w. juga mempunyai mata di bahagian belakang. Dengan mata itu beliau dapat melihat apa-apa yang berlaku di belakangnya. (6) Di antara dua belikat Rasulullah s.a.w. ada sepasang mata sebesar lubang jarum yang kecil. Penglihatannya tidak terhalang oleh kain atau benda-benda lain yang menutupinya. Pendapat kelima dan keenam ini adalah pendapat golongan Zahiriyah. Pendapat ini juga tidak kuat kerana tidak ada satu pun hadits tentangnya. Jika Rasulullah s.a.w. benar-benar mempunyai mata di bahagian belakangnya, tentulah terdapat banyak riwayat menyatakannya seperti terdapat banyak riwayat yang menyebutkan tentang Khatam an-Nubuwwah di belakang Baginda s.a.w. (7) Dinding di sebelah qiblat akan menjadi seperti cermin kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. mengimami para jema`ah bersembahyang. Pendapat ini juga tidak boleh diterima kerana jika diandaikan dinding di hadapan Nabi s.a.w. memang menjadi seperti cermin sekalipun kepada Baginda, apa ertinya dinding seperti cermin itu ketika Baginda s.a.w. sedang ruku` dan sujud bersama orang-orang lain?! Bukankah pada ketika itu mata Baginda s.a.w. tidak menghadap dinding dan bukankah Nabi s.a.w. telah menyebutkan secara khusus di dalam hadits di atas bahawa kelihatan kepada beliau keadaan ruku` dan sujud atau khusyu` orang-orang di belakangnya? Kalau diterima khusyu` dalam ertinya yang umum lebih-lebih lagilah tidak masuk `aql ia akan kelihatan kepada Rasulullah s.a.w. di dinding sebelah qiblat Baginda s.a.w. Kerana khusyu` adalah sesuatu yang abstrak bukan benda yang berjirim dan berupa. (8) Zahir dua hadits di bawah bab ini menunjukkan keadaan dapat melihat ke sebelah belakang seperti dapat melihat ke sebelah hadapan bagi Nabi s.a.w. itu adalah khusus pada ketika bersembahyang. Sesetengah `ulama` pula berpendapat ia tidak khusus ketika bersembahyang malah pada ketika-ketika lain juga. Demikianlah dinukilkan daripada Mujahid. Mengikut riwayat Baqi bin Makhlad Baginda s.a.w. juga nampak pada ketika gelap. (9) Maksud sabda Nabi s.a.w: “Sesungguhnya aku benar-benar nampak kamu di belakangku” yang tersebut di dalam hadits di atas bukanlah nampak dengan mata kepala tetapi nampak dengan mata hati. Demikian pendapat Ibnu Rajab. (10) Bagi Imam Bukhari dan jumhur Ahli as-Sunnah wa al-Jama`ah, Nabi s.a.w. dapat melihat ke arah belakang dengan mata kepala ini juga tetapi tanpa terikat dengan perisetentangan, kehampiran dan adanya cahaya pada sesuatu yang dilihat, sebagai mu`jizat dan keistimewaan khusus Baginda s.a.w. `Allamah al-`Aini mengatakan hadits di bawah bab ini dijadikan dalil oleh golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama`ah terutamanya Asya`irah tentang ketiadaan syarat perisetentangan, kehampiran, adanya cahaya pada sesuatu yang dilihat, adanya anggota tertentu untuk melihat menurut hukum `aql. Kerana itulah mereka yakin berdasarkan hukum `aql dan naqal bahawa Allah s.w.t. akan dapat dilihat di akhirat nanti walaupun Dia tidak menyerupai makhluk. Pegangan Ahli as-Sunnah wa al-Jama`ah ini berbeza sama sekali daripada pegangan golongan Mu`tazilah, Musyabbihah, Karramiyyah dan Jahmiyyah.

٤٠٢ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ صَالِحٍ قَالَ حَدَّثَنَا فُلَيْحُ بْنُ سُلَيْمَانَ عَنْ هِلَالِ بْنِ عَلِيٍّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ صَلَّى بِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةً ثُمَّ رَفِيَ الْمِنْبَرَ فَقَالَ فِي الصَّلَاةِ وَفِي الرُّكُوعِ إِنِّي لَأَرَاكُمْ مِنْ وَرَائِي كَمَا أَرَاكُمْ

402- Yahya bin Shalih meriwayatkan kepada kami, katanya: Fulaih bin Sulaiman meriwayatkan kepada kami daripada Hilal bin `Ali daripada Anas bin Malik, katanya: “Pernah Nabi s.a.w. menjadi imam kepada kami dalam (menunaikan) satu sembahyang. Setelah selesai bersembahyang Baginda s.a.w. naik ke atas mimbar lalu bersabda berkenaan dengan sembahyang dan ruku` : “Sesungguhnya aku dapat melihat kamu dari belakangku sebagaimana aku dapat melihat kamu di hadapanku.”⁵⁵⁷

Mu`tazilah langsung tidak menerima manusia dapat melihat Allah pada bila-bila masa pun. Musyabbihah, Karramiyyah dan Jahmiyyah pula dapat menerimanya kerana bagi mereka Allah bertempat dan akan berada pada arah tertentu.

⁵⁵⁷ **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada dua hadits di atas ialah: (1) Rasulullah s.a.w. mempunyai banyak mu`jizat. Antaranya ialah nampak sesuatu yang berada di belakangnya. (2) Kerap kali berlaku ditunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. perkara-perkara pelik ketika sedang bersembahyang bersama para sahabatnya. (3) Kelebihan arah qiblat. (4) Berbagai-bagai cara telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk menegur para pengikutnya terutama berkaitan dengan sembahyang (5) Hikmat menyatakan bahawa Beliau s.a.w. nampak keadaan orang-orang yang bersembahyang di belakangnya ialah untuk menarik perhatian mereka kepada sifat melihat Allah yang tidak tersembunyi daripadanya suatu apa pun. (6) Kata-kata Rasulullah s.a.w. bahawa: “Sesungguhnya aku benar-benar nampak kamu di belakangku” sebenarnya merupakan satu proses penerapan sifat ihsan di dalam jiwa umat Islam. Ia juga merupakan satu cara untuk melonjakkan mereka naik ke maqam ihsan itu. (7) Kepentingan menyempurnakan sembahyang terutamanya ruku` dan sujud. (8) Nabi s.a.w. biasanya menaiki mimbar apabila mahu memperkatakan sesuatu yang penting. (9) Para pemimpin (khususnya para imam di masjid-masjid) seharusnya menegur dengan apa cara sekalipun orang-orang yang tidak bersembahyang dengan betul. (10) Manusia biasanya akan melakukan sesuatu kerja dengan baik apabila menyedari ada orang sedang memerhatikannya. (11) Sembahyang Nabi s.a.w. tidak terganggu dengan sebab nampak orang-orang yang bersembahyang di belakangnya. Khusyu` beliau juga tidak terjejas kerananya. (12) Hadits-hadits seperti ini sama sekali tidak patut dijadikan bukti bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai sifat mengetahui perkara ghaib (عالم الغيب), lantaran ia tidak merupakan qaedah kulliyah. Apa yang tersebut di dalam hadits-hadits seperti ini hanyalah sebagai mu`jizat yang diberi Allah kepada nabiNya. Banyak sekali tersebut di dalam al-Qur`an dan al-hadits berhubung dengan ketiadaan pengetahuan Baginda s.a.w. tentang perkara-perkara ghaib. Malah banyak juga hadits yang menyatakan Beliau s.a.w. tidak nampak dan tidak juga mengetahui apa yang berlaku di belakang beliau walaupun ketika sedang bersembahyang. Antaranya ialah peristiwa yang berlaku kepada Abu Bakrah di mana beliau apabila tidak sempat masuk ke dalam saf kerana masih berada jauh daripadanya, terus saja ruku` di belakang saf. Kemudian secara perlahan-lahan berjalan ke hadapan untuk megambil tempat di dalam saf. Keadaan yang berlaku kepada Abu Bakrah itu tidak diketahui Rasulullah s.a.w. kecuali setelah diberitahu orang kepadanya. Ada seorang lagi sahabat datang ke masjid dengan tercungap-cungap ketika Rasulullah s.a.w. sedang mengimami para sahabat, dia dengan suara agak keras mengucapkan *الله أكبر الحمد لله حمدا كثيرا مباركا طيبا مباركا فيه*. Apabila selesai bersembahyang Nabi s.a.w. bertanya siapakah yang mengucapkan ucapan tadi. Setelah diberitahu barulah Baginda s.a.w. mengetahui siapa orangnya. Ini semua menunjukkan Rasulullah s.a.w. tidak nampak dan tidak mengetahui pun apa yang berlaku di belakangnya ketika sedang bersembahyang. Baginda s.a.w. bukan bersewenang-wenang dalam mengetahui sesuatu perkara ghaib atau nampak keadaan orang-orang yang sedang bersembahyang di belakangnya. Mengetahui sesuatu perkara ghaib atau nampak keadaan orang yang bersembahyang di belakangnya itu tidak lebih daripada salah satu mu`jizat yang dikurniakan oleh Allah kepada nabiNya apabila dikehendakiNya. Dengan itu adalah salah untuk dipercayai bahawa Nabi s.a.w. mengetahui perkara ghaib secara muthlaq atau beliau mempunyai sifat (عالم الغيب) kerana adanya hadits-hadits seperti di atas.